



## SIARAN MEDIA

### MESYUARAT MAJLIS KEBANGSAAN BAGI KANAK-KANAK

**PUTRAJAYA, 23 Februari** - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak Bil. 1 Tahun 2021 secara dalam talian pada hari ini. Mesyuarat ini merupakan platform untuk ahli-ahli mesyuarat yang terdiri daripada lantikan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang kanak-kanak, Kementerian serta agensi-agensi yang berkaitan kanak-kanak serta wakil kanak-kanak daripada Majlis Perwakilan Kanak-kanak Kebangsaan untuk membincang serta mencari solusi berkaitan isu-isu semasa kanak-kanak di negara ini.

#### **Mesyuarat pada kali ini telah membuat pemakluman berkaitan:-**

- i. Status Laporan Negara Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak Kedua hingga Kelima (2008 hingga 2018) yang kini sedang dalam tindakan mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri;
- ii. Pertimbangan untuk semakan semula dan penambahbaikan kepada Seksyen 29A Akta Kanak-Kanak 2001;
- iii. Menambah bilangan Pembantu Pelindung di seluruh negara dengan melantik mana-mana orang yang berkelayakan untuk membantu menyelamatkan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan. Jabatan Perkhidmatan Awam pada **5 Februari 2021** telah meluluskan pelantikan seramai 224 orang (Fasa Pertama) Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak secara kontrak. Pelantikan ini sebagai usaha pengukuhan pelaksanaan perkhidmatan perlindungan dan pemulihan oleh JKJ.

**Mesyuarat turut membincangkan berkaitan 4 tajuk kertas pembentangan iaitu berkaitan:-**

- i. Kajian Semula Akta Pengangkatan 1952 (Akta 257) dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253)
- ii. Semakan Semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-kanak Negara
- iii. Status Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)
- iv. *CHILD HEALTH 2021-2023: A National Framework to Reduce the Under-5 Mortality and Support Growth and Development* oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Mesyuarat juga telah bersetuju untuk Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengambil inisiatif untuk menjalankan kajian semula Akta Pendaftaran 1952 dan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952.

Justeru, KPWKM tetap komited dalam memastikan isu berkaitan kesejahteraan kanak-kanak menjadi fokus utama. Persefahaman antara semua Kementerian, agensi dan individu dalam membuat keputusan melalui Mesyuarat Majlis ini adalah memenuhi tanggungjawab bagi memastikan aspek keselamatan, perlindungan dan pemulihan terhadap kanak-kanak dilaksanakan sewajarnya. Adalah diharapkan pandemik COVID-19 ini dapat ditangani dengan segera bagi memudah dan melancarkan pelaksanaan dan tindakan yang telah dirancang demi kepentingan kanak-kanak di Malaysia.

\*\*\* Tamat \*\*\*

Disediakan oleh :

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat